



KENYATAAN MEDIA BAGI PRODUKTIVITI BURUH, SUKU TAHUN KETIGA 2021

Pertumbuhan produktiviti buruh jatuh 5.6 peratus pada ST3 2021 manakala berbanding dengan suku sebelumnya, bertambah baik dengan penurunan yang lebih kecil

PUTRAJAYA, 18 NOVEMBER 2021 - Produktiviti buruh Malaysia yang diukur sebagai nilai ditambah per pekerja jatuh 5.6 peratus pada ST3 2021 manakala berbanding dengan suku sebelumnya, bertambah baik dengan penurunan yang lebih kecil, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini melaporkan prestasi produktiviti buruh Malaysia. Statistik ini diterbitkan dalam laporan **PRODUKTIVITI BURUH, SUKU KETIGA 2021** yang melaporkan statistik produktiviti buruh mengikut aktiviti ekonomi, yang diukur sebagai nilai ditambah per pekerja dan nilai ditambah per jam bekerja.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Pada ST3 2021, ekonomi Malaysia menguncup 4.5 peratus berikutan kemerosotan dalam semua sektor utama ekonomi. Pada suku ini, pekerja meningkat sederhana 1.2 peratus tahun ke tahun (ST2 2021: 2.2%) dengan merekodkan seramai 15.3 juta orang (ST2 2021: 15.2 juta orang). Justeru, produktiviti buruh yang digambarkan sebagai nilai ditambah per pekerja jatuh 5.6 peratus pada ST3 2021 dengan mencatatkan nilai produktiviti RM21,985 per pekerja (ST2 2021: RM22,128 per pekerja). Namun begitu, berbanding dengan suku sebelumnya, pertumbuhan produktiviti buruh meningkat dengan penurunan yang lebih kecil iaitu 0.6 peratus (ST2 2021: -1.7%)".

Mengulas mengenai prestasi produktiviti buruh yang diukur mengikut nilai ditambah per jam bekerja, Ketua Perangkawan berkata, "Pada suku ini, jumlah jam bekerja adalah lebih rendah berbanding tahun lalu berikutan langkah kawalan yang lebih ketat dilaksanakan termasuk waktu operasi perniagaan yang terhad terutamanya dalam fasa satu Pelan Pemulihan Negara. Pada ST3 2020, seluruh negara berada dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan yang mana hampir keseluruhan sektor ekonomi termasuk sektor sosial dan pendidikan beroperasi. Berikutan itu, jumlah jam bekerja pada ST3 2021 turun 3.9 peratus dengan merekodkan 8.2 bilion jam (ST3 2020: 8.5 bilion jam) sekaligus menyebabkan **produktiviti buruh per jam bekerja**

mencatatkan penurunan sederhana 0.6 peratus (ST2 2021: -12.9%) dengan nilai RM40.9 per jam (ST2 2021: RM40.5 per jam)”.


Dari sudut sektor ekonomi, semua sektor mencatatkan prestasi negatif produktiviti buruh pada suku ini berdasarkan nilai ditambah per pekerja. Sektor Pembinaan mencatatkan kejatuhan terbesar produktiviti buruh iaitu 18.8 peratus (ST2 2021: 37.6%). Pada masa yang sama, sektor Perkhidmatan merekodkan penurunan 6.2 peratus (ST2 2021: 11.1%) dengan penurunan terbesar dicatatkan oleh Makanan & minuman dan penginapan (-19.1%); diikuti oleh Hartanah & perkhidmatan perniagaan (-14.5%); Perdagangan borong & runcit (-13.2%); dan Pengangkutan & penyimpanan (-11.1%). Begitu juga dengan prestasi produktiviti buruh sektor Pembuatan yang jatuh 3.5 peratus berbanding pertumbuhan positif 23.2 peratus pada suku sebelumnya. Empat subsektor Pembuatan yang merekodkan penurunan dua digit adalah Minuman & produk tembakau (-41.2%); Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan (-30.7%); Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (-14.3%); dan Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (-12.7%). Produktiviti buruh sektor Pertanian kekal lembap pada negatif 2.6 peratus (ST2 2021: -3.3%) manakala sektor Perlombongan & pengkuarian menyusut 1.3 peratus daripada 14.1 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Sementara bagi produktiviti buruh mengikut nilai ditambah per jam bekerja, dua sektor merekodkan peningkatan pada suku ini iaitu sektor Perlombongan & pengkuarian (4.1%) dan Pembuatan (2.3%). Sementara itu, lain-lain sektor terus mencatatkan penurunan pada kadar yang lebih kecil. Produktiviti buruh sektor Pembinaan dan Pertanian masing-masing jatuh 5.7 peratus (ST2 2021: -7.8%) dan 3.4 peratus (ST2 2021: -15.6%) manakala sektor Perkhidmatan mencatatkan negatif 1.8 peratus berbanding negatif 15.9 peratus pada suku tahun sebelumnya.


Merumuskan kenyataan beliau, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Dengan situasi pandemik yang masih berterusan, teknologi digital dilihat sebagai pemangkin bagi perniagaan berinovatif dalam meneruskan operasi mereka dengan capaian pengguna yang lebih luas. Tambahan pula, dengan memanfaatkan teknologi digital, ekosistem perniagaan dapat diperkukuhkan dan seterusnya meningkatkan kecekapan. Ini selanjutnya akan meningkatkan prestasi produktiviti buruh dan dalam jangka panjang akan memulihkan momentum pertumbuhan ekonomi. Justeru, dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, melonjakkan produktiviti buruh dengan mempercepat penerimgunaan teknologi dijadikan sebagai antara strategi bagi merencanakan semula pertumbuhan ekonomi negara”.

Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh Penduduk Malaysia termasuk bukan warganegara yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020. Bagi mereka yang masih belum berkesempatan mengisi borang soal selidik bancian, sila hubungi DOSM ditalian 1-800-88-7720 untuk maklumat lanjut. Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Penyiasatan Liputan Banci (PES) bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan sepanjang November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan Banci Malaysia 2020 kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Carta 1: Produktiviti buruh, nilai ditambah per pekerja, 2015-2020 dan ST1 2016 - ST3 2021



Carta 2: Produktiviti buruh, nilai ditambah per jam bekerja, 2015-2020 dan ST1 2016 - ST3 2021



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 18 November 2021

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
18 NOVEMBER 2021**



MEDIA STATEMENT FOR LABOUR PRODUCTIVITY, THIRD QUARTER OF 2021

Labour productivity growth fell 5.6 per cent in Q3 2021 while quarter-on-quarter improved with a smaller decline

PUTRAJAYA, 18 NOVEMBER 2021 - Malaysia's labour productivity as measured by value added per employment fell 5.6 per cent in Q3 2021 while quarter-on-quarter improved with a smaller decline, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today on the performance of Malaysia's labour productivity. The statistics is published in the report of **LABOUR PRODUCTIVITY, THIRD QUARTER 2021** which presents statistics on labour productivity by economic activity, expressed as value added per employment and value added per hour worked.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "In Q3 2021, Malaysia's economy recorded a contraction, declining by 4.5 per cent attributed by the downturn in all major economic sectors. During the quarter, employment increased modestly by 1.2 per cent year-on-year (Q2 2021: 2.2%) recorded a total of 15.3 million persons (Q2 2021: 15.2 million persons). Hence, labour productivity expressed as value added per employment dropped 5.6 per cent in Q3 2021 registering productivity value of RM21,985 per person (Q2 2021: RM22,128 per person). Nevertheless, in comparison with the previous quarter, the growth of labour productivity improved with a smaller decline of 0.6 per cent (Q2 2021: -1.7%)".

While elaborating on the labour productivity measured as value added per hour worked, the Chief Statistician said, "During this quarter, the total hours worked was lower as against a year ago following stricter containment measures imposed including limited business operation hours particularly in the first phase of the National Recovery Plan. In Q3 2020, the whole nation was in the phase of Recovery Movement Control Order where almost all economic sectors including social and educational sectors were operating. As a consequence, the total hours worked in Q3 2021 dropped by 3.9 per cent to record 8.2 billion hours (Q3 2020: 8.5 billion hours) and had resulted in **labour productivity per hour worked to register a mild decline of 0.6 per cent (Q2 2021: -12.9%) with a value of RM40.9 per hour (Q2 2021: RM40.5 per hour)**".

From the economic sector point of view, all sectors experienced negative performance of labour productivity by value added per employment in this quarter. The Construction sector posted a largest dropped in labour productivity by 18.8 per cent (Q2 2021: 37.6%). In the meantime, the Services sector recorded a decline of 6.2 per cent (Q2 2021: 11.1%) with the largest decrease recorded by Food & beverages and

accommodation (-19.1%); followed by Real estate & business services (-14.5%); Wholesale & retail trade (-13.2%); and Transportation & storage (-11.1%). Similarly with the labour productivity performance in Manufacturing sector which declined 3.5 per cent as opposed to positive growth of 23.2 per cent in the previous quarter. Four Manufacturing sub-sectors that recorded a double digit decline namely Beverages & tobacco products (-41.2%); Transport equipment, other manufacturing & repair (-30.7%); Non-metallic mineral products, basic metal and fabricated metal products (-14.3%); and Wood products, furniture, paper products and printing (-12.7%). Labour productivity for Agriculture sector remained sluggish at negative 2.6 per cent (Q2 2021: -3.3%) while Mining & quarrying sector dropped 1.3 per cent from 14.1 per cent in the preceding quarter.

As for labour productivity by value added per hour worked, two sectors turned around in this quarter namely Mining & quarrying (4.1%) and Manufacturing (2.3%) sectors. On the contrary, the remaining sectors continued to decrease albeit at a smaller decline. Labour productivity in Construction and Agriculture sectors dropped by 5.7 per cent (Q2 2021: -7.8%) and 3.4 per cent (Q2 2021: -15.6%) respectively while Services sector posted negative 1.8 per cent as against negative 15.9 per cent in the preceding quarter.

Concluding his statement, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "As the current pandemic is ongoing, digital technology is seen as an enabler for businesses to innovate in continuing their operation as well as reaching broader consumers. Moreover, leveraging digital technology will strengthen the business ecosystem and subsequently enhance efficiency. In turn, it will increase the labour productivity performance and in the long term will restore economic growth momentum. Hence, in the Twelfth Malaysia Plan, boosting labour productivity through accelerating technology adoption has become one of the strategies to rejuvenate the country's economic growth".

Thank you and highest appreciation to all Malaysians, including non-citizens, who have given their full support and cooperation in making the Malaysia Census 2020 a success. For those who have not yet had the opportunity to fill out the census questionnaire, please contact DOSM at 1-800-88-7720 for further information. The activities of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) for Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate the said activities of Malaysia Census 2020 because "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Chart 1: Labour productivity, value added per employment, 2015-2020 and Q1 2016 - Q3 2021





Chart 2: Labour productivity, value added per hour worked, 2015-2020 and Q1 2016 - Q3 2021



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
18 NOVEMBER 2021**